

Menguasai kemahiran membaca secara berkesan

UB 22-02-2012 B3 & B4

MANUSIA memperoleh ilmu dan pengetahuan melalui pelbagai cara dan membaca adalah satu daripada cara untuk mendapatkannya. Falsafah membaca digambarkan oleh cerdik pandai menerusi pelbagai motto antaranya ialah "Membaca jambatan ilmu" dan "Membaca pengasah minda". Dua motto ini sudah cukup untuk menyatakan betapa pentingnya membaca dalam kitaran hayat manusia. Kerap kali kemahiran membaca dianggap sebagai kebolehan mengeja dan menulis perkataan sahaja. Natijahnya ramai pelajar mengadu bahawa mereka menghadapi masalah hilang minat apabila telah membaca satu atau dua muka sahaja, tidak faham apa yang dibaca dan tidak ingat apa yang telah dibaca. Ada pula sebilangan pelajar yang menghadapi masalah membaca dengan perlahan dan mendapati terlalu banyak buku yang hendak dibaca.

Dalam proses kemahiran belajar, kemahiran membaca seharusnya tidak dipandang remeh oleh pelajar. Kemahiran membaca yang betul akan dapat meningkatkan pemahaman dengan lebih berkesan. Oleh itu teknik membaca yang betul amat penting dalam suatu proses pembelajaran. Membaca adalah proses berfikir yang melibatkan pemikiran perkara tersurat dan tersirat, menghubungkaitkan idea, menyoal dan bertindak balas dengan memberi idea dan mengaplikasikan maklumat baharu ke dalam situasi baharu. Di peringkat sekolah rendah, pelajar dilatih, dibimbing dan diajar membaca sebagai persiapan ke arah penguasaan membaca dengan betul. Teknik dan pendekatan membaca yang betul perlulah diterapkan oleh guru kepada pelajar agar mereka dapat menguasai kemahiran membaca. Justeru hubungan dua hala antara guru dengan pelajar dalam konteks melonjak kemahiran membaca pelajar amat diperlukan.


Keberkesan dalam pembacaan adalah amat penting dan perlu ditekankan oleh para pelajar ketika membaca. Proses membaca yang berkesan memerlukan kemahiran yang tertentu sama ada sebelum, semasa ataupun selepas proses membaca. Bagi memperolehi keputusan yang cemerlang, seseorang pelajar perlu mempunyai kemahiran membaca yang betul. Biasanya pelajar akan melupai dan tidak memahami apa yang telah dibaca walaupun telah membaca dengan berulang kali. Keadaan ini sebenarnya menunjukkan bahawa cara membaca yang mereka gunakan tidak dapat menghasilkan kefahaman pembacaan yang maksimum. Untuk mengelakkkan pembaziran masa, pelajar perlu mengetahui dan melatih diri membaca dengan betul berdasarkan kaedah-kaedah pembacaan yang ada. Kaedah pembacaan yang tidak betul akan menyebabkan pelajar berasa cepat bosan, kurang berminat dan cepat berasa mengantuk.

Proses membaca dibahagikan kepada tiga peringkat yang utama iaitu peringkat sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca. Peringkat sebelum membaca melibatkan penentuan bahan yang akan dibaca, penentuan cara bahan disusun, penentuan perkara yang perlu diingati daripada bahan dan tujuan membaca. Peringkat semasa membaca ialah mengenal pasti isi-isi penting, mengenal pasti pola pemikiran penulis, menghubungkan idea-idea, meramal apa yang akan berlaku dan menghubungkan idea penulis dengan maklumat yang sudah diketahui. Peringkat selepas membaca pula ialah mengenal pasti tujuan penulis, menganalisis teknik dan bahasa penulis, menilai kecekapan dan kewibawaan penulis, menyoal soalan kritis dan menilai sifat dan jenis bukti yang digunakan oleh penulis.

MINDA PENDIDIK

BAHAROM MOHAMAD

bersama Mohd Yusof Abdullah, Shukri Zain, Abdul Said Ambotang Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip



Kemahiran membaca adalah penting untuk mendapatkan maklumat, pengetahuan, dan fakta mengenai sesuatu perkara. Membaca ialah proses kompleks yang melibatkan proses komunikasi antara pembaca dengan penulis melalui tulisan yang dibaca. Biasanya terdapat empat jenis gaya bacaan, iaitu: luncuran, imbasan, bacaan intensif dan bacaan laju. Luncuran ialah kemahiran membaca untuk mendapatkan maklumat ringkas dan pantas mengenai sesuatu bahan atau maklumat. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat ringkas tetapi menyeluruh mengenai sesuatu bahan atau dokumen pandangan umum mengenai dokumen dengan segera. Teknik membuat luncuran melibatkan tiga aspek. Pertama membaca tajuk, pendahuluan dan rumusan bahan atau dokumen. Kedua membaca dengan menggunakan pergerakan mata yang cepat dan memberikan tumpuan sepenuhnya pada bahan yang dibaca. Ketiga imbasan iaitu kemahiran membaca untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam daripada luncuran. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat tertentu sebagai jawapan kepada sesuatu persoalan. Teknik membuat imbasan melibatkan tiga aspek. Pertama membaca pendahuluan dan rumusan teks secara mendalam. Kedua ialah membaca kandungan bab dengan pantas sambil mencatatkan kata kunci dan konsep yang dinyatakan. Ketiga ialah memberikan perhatian kepada rajah dan grafik yang ada.

Bacaan intensif ialah kemahiran membaca untuk mendapatkan maklumat terperinci. Bacaan intensif memerlukan tumpuan, ketekunan dan masa yang lebih. Tujuannya adalah untuk mendapatkan semua maklumat dengan mendalam dan catatan perlu dibuat untuk mengumpulkan maklumat berkenaan. Bacaan laju memerlukan kebolehan laju membaca dan kefahaman serentak membaca. Tujuannya adalah untuk menggunakan masa terhad dengan lebih produktif, menjimatkan masa dan memperoleh maklumat tambahan pada kadar yang cepat. Teknik bacaan laju melibatkan enam aspek. Pertama ialah menumpukan perhatian pada pemikiran atau idea utama. Ini boleh dibuat dengan membaca cepat seluruh buku, membaca cepat senarai bab, membaca cepat semua bahagian dan membaca cepat semua perenggan. Kedua ialah pembacaan laju yang boleh mengesan penjelasan isi utama dengan melihat tanda-tanda perbezaan seperti: tulisan condong, tulisan bergaris, tulisan tebal, fakta yang bersiri atau bernombor (1,2,3, ...) dan fakta yang bersiri abjad (a, b, c, ...). Ketiga ialah penjelasan isi utama yang boleh didapati daripada perkataan, penanda wacana atau rangkai kata awalan ayat seperti: Pertama..., Kedua..., Ketiga..., Sebaliknya..., Contohnya..., Dengan itu..., dan Selanjutnya..., Keempat ialah penjelasan isi utama yang boleh didapati daripada bentuk grafik seperti: graf, jadual dan gambar rajah. Kelima ialah mengingat sebanyak mungkin maklumat yang dibaca: mengingati isi yang senang dahulu daripada isi yang sukar, membaca laju diikuti dengan catatan nota kerana catatan nota memaksakan pembaca berfikir, berfikir dengan cergas untuk memahami dan mengingat isi utama dan bahan yang dibaca. Keenam ialah mengaplikasikan atau mengaitkan bacaan dengan pengalaman pembaca.

■ Bersambung di B4

Untuk bacaan secara kritis beberapa teknik telah dikenal pasti. Teknik pertama ialah SQ3R (Survey-Question-Read-Recite-Review). Teknik membaca ini meminta pembaca membuat analisis mendalam tentang bahan yang dibaca. Teknik membaca SQ3R adalah teknik yang amat berkesan untuk pembelajaran bahasa. Langkah-langkah membaca menggunakan teknik membaca SQ3R ada lima. Pertama melihat tajuk utama sepiantas lalu bagi melihat idea keseluruhan. Kedua menukar tajuk utama menjadi soalan. Ketiga membaca keseluruhan bahagian bagi mendapatkan jawapan. Keempat selepas membaca petikan, susunkan idea dan isi-isi penting. Kelima menyebut tajuk utama bagi setiap bahagian dan perenggan melalui ingatan bagi menjawab soalan. Secara umumnya teknik membaca SQ3R memerlukan keupayaan pelajar menggunakan mindanya secara optimum. Teknik membaca SQ3R dapat membantu pelajar menggunakan kemahiran berfikir terutama bagi memahami teks yang dibaca.

Teknik kedua ialah SQ4R (Survey-Question-Read-Record-Recite-Reflect) oleh Pauk (1984) dapat mempertingkatkan keupayaan pelajar memahami teks yang dibaca dalam jangka masa yang lebih singkat. Terdapat lima aspek bagi menggunakan teknik ini. Pertama ialah meninjau iaitu cara mendapatkan pandangan sebelum membaca dengan memfokuskan tajuk bab, rangka kasar bab, pengenalan, tajuk utama dan subtajuk kecil, ringkasan bab dan soalan ulangkaji. Kedua ialah menyaoal iaitu membentuk soalan daripada tajuk kecil dalam petikan dan soalan bagi meninjau gambaran keseluruhan kandungan teks. Ketiga ialah membaca iaitu memberikan perhatian ke atas soalan yang sudah dibina dan membaca teks dengan teliti. Keempat ialah mencatat iaitu membuat catatan di tepi petikan bagi memberi panduan menyatakan semula isi. Kelima ialah menyatakan kembali iaitu menyatakan dalam bentuk lisan berdasarkan catatan yang sudah

dibuat. Keenam ialah membuat bayangan atau gambaran iaitu memikirkan cara menggunakan idea yang sudah dibaca. Sekiranya tidak jelas, bacalah semula dan cuba hubungkan mana-mana bahagian dengan bab yang sebelumnya.

Teknik ketiga ialah KWLH (Know, Want, Learnt, How). Teknik ini sesuai bagi mengaktifkan pengetahuan lalu pelajar. Teknik membaca ini berfungsi untuk menjana pemikiran yang aktif ketika membaca. K (Know) - apa yang diketahui, W (Want) - apa yang hendak diketahui, L (Learned) - apa yang hendak dipelajari semasa membaca bahan bacaan, dan H (How) - tambahan maklumat berkenaan tajuk yang dibaca. Teknik pembacaan KWLH adalah suatu teknik membaca yang kritis supaya pelajar dapat meninjau apa yang sudah diketahui, apa yang akan diketahui, apa yang sudah dipelajari selepas membaca dan bagaimana perkara-perkara tambahan yang ingin diketahui dapat dipelajari.

Teknik keempat ialah REAP (Read, Encode, Annote, dan Ponder). Teknik ini memberikan penekanan ke atas strategi pembacaan yang dikaitkan dengan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar. Ini kerana pembacaan kritis dapat membantu pelajar menguatkan lagi strategi pemahaman dengan mengambil kira penggunaan unsur kognitif dalam pembacaan. Tujuan teknik membaca REAP adalah untuk meningkatkan kemahiran meringkaskan pembacaan dan membantu pelajar mentafsir idea pengarang dengan menggunakan perkataan sendiri serta membina kemahiran menulis bagi membantu mengingati idea hasil pembacaannya.

Sebagai kesimpulannya, para pelajar perlulah menguasai kemahiran membaca pada tahap yang tinggi. Penguasaan kemahiran membaca tahap tinggi membolehkan pelajar menguasai dan menjana pelbagai bidang ilmu dengan pantas dan tuntas.

* Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah